



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI

Y.B. TIMBALAN MENTERI

Y.BHG. KSU

Y.BHG. TKSU (PDN)

Y.BHG. TKSU (PUP)

SETIAUSAHA AKHBAR

30 MAC 2022 (RABU)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

30 MAC 2022 (RABU)

Johor Bahru: Seorang pem-

bantu penguat kuasa Ke-

menterian Perdagangan Da-

lam Negeri dan Hal Ehwal

Pengguna (KPDNHEP) di-

denda RM2,000 oleh Mah-

kamah Sesyen di sini, se-

malam kerana gagal mel-

porkan kepada Suruhanjaya

Pencegahan Rasuah Mala-

ysia (SPRM) berhubung sua-

pan wang berjumlah RM700

yang diberikan kepadanya,

tahun lalu.

Hakim Datuk Ahmad Ka-

mal Arifin Ismail menjatuh-

Didenda RM2,000 gagal lapor rasuah RM700

kan hukuman itu ke atas Muhamad Basri Bonari, 43, yang berkhidmat di KPDNHEP Cawangan Muar selepas tertuduh mengaku bersalah melakukan kesalan berkenaan sebaik kertas pertuduhan dibacakan oleh jurubahasa.

Mahkamah turut mem-

rintahkan bapa kepada tiga

anak itu menjalani huku-

man penjarai satu bulan,

sekiranya dia gagal mem-

bayar denda. Tertuduh

membayar denda berkenaan.

Muhamad Basri didakwa sebagai penjawat awam Gred KP19 diberikan wang suapan oleh Phang Min Lee, 35, berjumlah RM700 supaya tidak mengambil sebarang tindakan ke atas Syarikat Khaw Tai Trading Sdn Bhd di kawasan stor

syarikat berkenaan di Muar pada 4.55 petang, 10 Mei 2021.

Kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 25(1) Akta SPRM 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 25(2) akta sama yang membawa hukuman denda tidak lebih RM100,000 atau penjarai maksimum 10 tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

HARI : RABU
TARIKH : 30/3/2022
M/SURAT : 4

Terdahulu, Pegawai Pen-

dakwa Raya SPRM Ikhwan

Ihsan Jalaludin memohon mehkamah mengenakan hukuman setimpal supaya dapat memberi pengajaran kepada tertuduh dan ma-

syarakat memandangkan tindakannya boleh menjelaskan reputasi penjawat awam khususnya KPDNHEP.

Bagaimanapun, peguam

Tan Song Yan yang me-

wakili Muhamad Basri me-

rayu kepada mahkamah untuk tidak mengenakan hukuman penjarai sebaliknya hukuman denda rendah atas alasan anak guamnya telah insaf, me-

ngalami masalah jantung selain kini sedang me-

nanggung isteri, tiga anak, ibu dan bapa serta ibu mentua.

Gagal lapor suapan, pembantu penguat kuasa didenda RM2,000

JOHOR BAHRU -

Seorang pembantu penguat kuasa mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, pada Selasa atas pertuduhan gagal melaporkan suapan berjumlah RM700 yang diberikan kepadanya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mei lalu.

Tertuduh, Muhammad Basri Bonari, 43, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan juruhahaha terhadapnya di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Menurut pertuduhan, Muhammad Basri yang merupakan penjawat awam Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah diberikan wang suapan bernilai RM700 oleh seorang individu daripada sebuah syarikat menjalankan perniagaan barang kawalan di Muar.

Wang suapan itu adalah bagi memastikan tertuduh tidak mengambil apa-apa tindakan yang mana tertuduh kemudianya telah gagal melaporkan pemberian sogokan berkenaan kepada SPRM.

Kesalahan dilakukan di stor syarikat berkenaan di Muar kira-kira jam 4.55 petang pada 10 Mei lalu.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 25(1) Akta SPRM



Tertuduh ketika dibawa keluar daripada kamar perbicaraan.

2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 25(2) akta sama, yang boleh memperuntukkan hukuman denda maksimum RM100,000 atau dipenjarakan sehingga 10 tahun atau kedua-duanya.

Dalam prosiding itu, peguam tertuduh, Tan Song Yan memohon mahkamah meringankan hukuman serta memohon tidak mengenakan hukuman penjara kerana tertuduh mengaku salah dan ini merupakan kesalahan pertamanya.

Pegawai Pendakwa SPRM, Ikhwan Ihsan Jalaludin pula mencadangkan mahkamah menetapkan hukuman setimpal kepada tertuduh kerana perbuatannya itu boleh menjelaskan reputasi agensi berkenaan.

Hakim kemudiannya menjatuhkan hukuman denda RM2,000 dan tertuduh perlu menjalani hukuman penjara satu bulan jika gagal membayar denda itu.

Kakitangan KPDNHEP didenda RM2,000

JOHOR BAHRU: Seorang kakitangan kerajaan didenda RM2,000 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini atas pertuduhan pilihan menerima suapan sebanyak RM700 dalam kejadian di Muar, tahun lalu.

Tertuduh, Muhamad Basri Bonari, 43, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan pilihan berkenaan dibacakan di depan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh yang bertugas sebagai Pembantu Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Muar menerima suapan daripada pengurus besar sebuah syarikat pembekal barang kawalan.

Muhamad Basri didakwa melakukan perbuatan itu di stor syarikat berkenaan pada pukul 4.55 petang, 10 Mei tahun lalu atas dorongan agar tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap syarikat berkenaan.

Atas kesalahan tersebut, dia didakwa mengikut Seksyen 25(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang memperuntukkan hukuman denda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya.

Menurut fakta kes, tertuduh yang merupakan bapa kepada tiga orang anak itu telah menghantar beberapa pesanan ringkas secara 'voice note' kepada pemberi suapan untuk meminta 'duit raya'.



MUHAMAD Basri Bonari didenda RM2,000 setelah mengaku bersalah menerima rasuah RM700 di Muar ketika dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di Johor Bahru.